

Oktober 25, 2013

KOMUNITI KITA

Lima jururawat terima anugerah perkhidmatan cemerlang



DHARAN (tiga dari kanan) melihat sijil Anugerah Penghargaan Vokasional Negeri Selangor yang diterima oleh (dari kanan) Siti Fatimah, Sumathi, Hazlina, Siti Zamidah dan Rosmah di Hotel Grand Dorsett Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Lima orang jururawat dari tiga pusat perubatan iaitu Yayasan Buah Pinggang Negara (NKF), ST John Ambulance Malaysia dan MAA Medicare menerima anugerah Perkhidmatan Vokasional Negeri Selangor daripada Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) di Hotel Grand Dorsett Subang Jaya baru-baru ini. Kesemua penerima terdiri daripada Siti Fatimah Basir, Rosmah Hamid, Sumathi Subramaniam, Hazlina Helmi dan Siti Zamidah Muhammad.

Presiden RCPJ H.S. Dharan berkata, anugerah tersebut merupakan sebahagian daripada sambutan bulan vokasional yang diraikan oleh komuniti Rotary seluruh dunia. Kelima-lima mereka dipilih berdasarkan komitmen dalam membantu pesakit buah pinggang kronik dalam menjalani dialisis," katanya.

kosmo/Komuniti_Kita